



Ruj tuan :
Ruj kami : Bil.(85)dlm.MDTM 01/04/99

18 Rabiulakhir 1445H
2 November 2023

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Tawaran adalah di pelawa dari Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kepala dan sub kepala yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti di bawah.

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
MDTM 06/10/10- 61/2023	Kerja-Kerja Perkhidmatan Pemungutan dan Pengangkutan Sampah Zon B Kawasan Tanjong Malim	Kementerian Kewangan Malaysia Dibawah Kepala 221002 (Membersih Kawasan) dan 221003 (Mengangkat Sampah)	RM 50.00

2. Naskah Meja Tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari 9.11.2023 hingga 17.11.2023 semasa waktu pejabat. Tarikh tutup tawaran sebutharga adalah pada 17.11.2023.

3. Dokumen tawaran akan dijual mulai 9.11.2023 hingga 17.11.2023 mengikut waktu pembayaran seperti berikut :

ISNIN – KHAMIS		JUMAAT	
Pagi	: 8.15 pagi – 12.00 tengahari	Pagi	: 8.15 pagi – 12.00 tengahari
Petang	: 2.15 petang – 4.30 petang	Petang	: 3.00 petang – 4.30 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. Penyebut Harga yang berminat adalah diwajibkan menyertai taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan 14.11.2023 (SELASA) bertempat di Auditorium Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada jam 10.00 pagi. Waktu pendaftaran taklimat Jam 9.00 pagi hingga 10.00 pagi. Penyebutharga yang lewat tidak akan dipertimbangkan untuk memasuki taklimat tersebut. Penyebutharga diwajibkan membawa LESEN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA, SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA ASAL DAN SATU SALINAN FOTOSTAT DAN KAD PENGENALAN. HANYA PEMILIK SYARIKAT YANG SAH SAHAJA DIBENARKAN UNTUK MEMASUKI DEWAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK. WAKIL SYARIKAT ADALAH TIDAK DIBENARKAN.

5. Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Lesen Kementerian Kewangan Malaysia diperlukan semasa mengambil dokumen tawaran. Tawaran hendaklah di buat diatas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.



6. Dokumen yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjuru sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 17.11.2023 (JUMAAT) jam 12.00 tengahari. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan di tolak.


7. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah,


(MOHD IKRAM BIN AHMAD, P.P.T)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tanjong Malim

"PERAK SEJAHTERA 2030"
"PROMISING PERAK"TMP2024